Rujukan : UKM BEN 100-1/3/3
Tarikh : 17 Jun 2025

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 5/2025**

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**TATACARA PENGURUSAN PENGECUALIAN CUKAI BAGI DERMA/ SUMBANGAN KEPADA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan **Tatacara Pengurusan Pengecualian Cukai Bagi Derma/ Sumbangan Kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Di Bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967**. Tatacara ini merupakan rujukan semua Pusat Tanggungjawab (PTj) bagi memastikan proses permohonan pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dilaksanakan mengikut tatacara yang telah ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN).

3. Untuk makluman YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, pekeliling ini akan berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan dan membatalkan Pekeliling Bendahari Bil.13/2018:Tatacara Kelulusan Tolakan Cukai Kepada Penderma Yang Menyumbang Kepada Universiti Kebangsaan Malaysia Menurut Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

4. Sehubungan dengan itu, sukacita sekiranya YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat mengambil tindakan dan menyampaikan maklumat ini kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, mohon hubungi Unit Kutipan Hasil Jabatan Bendahari di talian 4760/ 5173 atau emel bkhjben@ukm.edu.my.

Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"KEKAL BERINTEGRITI"**

Yang benar,

**MOHD AZLI BIN MOHD KASIRUN C.A.(M)**
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k - Naib Canselor UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM
- Pro Naib Canselor (Strategi dan Kewatanan), UKM
- Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana), UKM
- Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur), UKM
- Pendaftar, UKM
- Ketua Pustakawan, UKM
- Penasihat Undang- Undang, UKM